

# Mahathir sedia berbincang dengan Musa tanpa

UM 15 Sept 1988

KUALA LUMPUR 9 Sept.

— Datuk Sri Dr.

**Mahathir Mohamad**

berkata perbincangan yang dicadangkan antara beliau dengan Datuk Musa Hitam boleh diadakan pada bila - bila masa tanpa sebarang syarat.

"Kita tak pernah tutup pintu...bahkan Datuk Musa sentiasa

berjumpa saya dan berbincang panjang lebar," kata beliau kepada pemberita selepas

mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Perdana Menteri, yang juga Presiden UMNO, menjawab soalan mengenai cadangan anggota Parlimen kawasan Johor Baharu, Datuk Shahrir Abdul

**LIHAT MUKA 2**

## MAHATHIR SEDIA BERBINCANG DENGAN MUSA TANPA SYARAT

Samad, supaya beliau (Datuk Sri Dr. Mahathir), Encik Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah 'duduk dan berbincang' bagi menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan orang - orang Melayu. Datuk Musa semalam berkata beliau sedia berunding dengan ketiga - tiga pemimpin itu jika kehadirannya dianggap perlu untuk bersama - sama

membincangkan masalah tersebut. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Datuk Musa boleh berjumpa dengannya pada bila - bila masa dan perbincangan itu boleh diadakan sama ada antara empat orang, lima orang atau dua orang.'

Beliau juga memberitahu, kesanggupan Datuk Musa untuk berunding dengannya hanya

dibaca di akhbar - akhbar sahaja dan setakat ini Datuk Musa Hitam masih belum menghubunginya lagi. Beliau juga memberitahu, Barisan Nasional (BN) akan tetap bertanding untuk mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Parit Raja.

Bagaimanapun, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir setakat ini parti masih belum

menentukan siapakah calon yang akan diletakkan nanti kerana masa masih terlalu awal.

Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Parit Raja akan diadakan berikutan dengan kematian Speaker Dewan Undangan Johor, Datuk Syed Zain Idrus Shahab yang juga wakil rakyatnya pada 2 September lalu.